

SOALAN NO.: 1

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : YB. PUAN ZURAIDA BT KAMARUDDIN
KAWASAN : AMPANG**

SOALAN:

YB. PUAN ZURAIDA BT KAMARUDDIN minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan berapakah perbelanjaan yang digunakan untuk sistem baru bayaran elektronik tol iaitu RFID yang akan dilaksanakan pada awal tahun 2018.

2

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan sistem *Radio Frequency Identification (RFID)* adalah inisiatif yang dicadangkan oleh syarikat konsesi untuk memberi pilihan bayaran tol kepada pengguna. Perbelanjaan untuk pembangunan sistem dan pemasangan peralatan di lorong di tanggung oleh Touch 'n Go Sdn Bhd dan syarikat-syarikat konsesi. Pada masa kini, uji cuba sedang dilaksanakan di beberapa lebuhraya bagi mengkaji keberkesanan penggunaan sistem ini. Kerajaan masih belum memutuskan apa-apa perincian berhubung pelaksanaan sistem ini.

Sekian, terima kasih.